



**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DR ZAITUN ABU BAKAR  
ISTERI YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**PROGRAM MEMPERKASAKAN KOMUNITI 4K B40 WILAYAH PERSEKUTUAN  
PUTRAJAYA SENI JAHITAN KREATIF**

**DEWAN SERBAGUNA, BLOK 1, ARAS 1,  
MENARA SERI WILAYAH,  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**6 APRIL 2019 (SABTU)  
9.30 PAGI**

**Salutasi (Akan diselaraskan pada hari program)**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita semua berkumpul pada hari ini di dalam Program Memperkasakan Komuniti 4K B40 Wilayah Persekutuan Putrajaya pada tahun 2019 bersama-sama golongan wanita dan suri rumah yang hebat-hebat hendakNya.

2. Program ini merupakan hasil kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Perbadanan Putrajaya (PPj) serta Persatuan Seni Jahitan Kreatif Malaysia yang menjurus kepada aktiviti memperkasakan komuniti iaitu Keluarga, Kerjaya, Kesihatan serta Kemasyarakatan. Ini adalah untuk membangunkan modal insan komuniti setempat khususnya golongan wanita di Wilayah Persekutuan dalam membina kehidupan yang lebih berkualiti dan berdaya saing.

**Hadirin Yang Saya Kasihi Sekalian;**

3. Saya amat berbesar hati dengan kehadiran semua para wanita di sini sama ada wanita bekerjaya, ibu tunggal mahupun suri rumah tangga yang bersama-sama meluangkan masa mempelajari seni jahitan kreatif yang bermanfaat ini.

4. Untuk makluman semua, golongan sasaran bagi program ini ialah Komuniti Wilayah Persekutuan Putrajaya yang terdiri daripada golongan belia, suri rumah, pesara, orang kurang upaya serta asnaf. Dengan ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan sasaran dalam berjinak-jinak dengan bidang baru dan

sekaligus dapat menggalakkan mereka berdikari dan menjana pendapatan sendiri.

5. Sesungguhnya, objektif program pagi ini adalah untuk memberikan ilmu pengetahuan pembelajaran dan *practical* kepada masyarakat terutamanya kepada tuan/puan yang bakal menjadi usahawan seni jahitan kreatif. Seni jahitan kreatif ini adalah sangat berpotensi memberikan pendapatan yang tinggi kepada mereka yang menjadikan ianya sebagai peluang perniagaan.

6. Selain itu juga, program ini dapat memberikan suntikan semangat kepada bakal usahawan untuk menceburi bidang seni jahitan kreatif serta sekaligus ianya dapat menyediakan platform kepada usahawan bagi memasarkan dan memperkenalkan perkhidmatan mereka kepada orang ramai.

7. Saya percaya, dengan adanya penghasilan pelbagai produk inovasi jahitan yang unik dan berkualiti, ianya juga berpotensi bukan saja untuk pasaran tempatan malah diyakini mampu dikomersialkan ke pasaran antarabangsa.

8. Saya dimaklumkan juga bahawa pihak Persatuan Seni Jahitan Kreatif Malaysia sentiasa telah memberi peluang kepada para usahawan seni jahitan kreatif untuk menyertai gerai jualan di *Handmade Market* di setiap negeri yang merupakan platform *Handmade Market* terbesar di Malaysia.

**Hadirin Yang Saya Kasihi Sekalian;**

9. Melalui inisiatif ini, saya berharap agar matlamat untuk melahirkan 100 orang usahawan wanita yang boleh menjana pendapatan secara purata RM 3000 sebulan di Putrajaya dapat direalisasikan. Di samping melahirkan lebih ramai lagi perintis *Handmade Market* yang baru di WP Putrajaya.

10. Saya difahamkan melalui program jahitan ini, peserta juga didedahkan dengan sesi ceramah yang bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada peserta tentang peluang yang ada dalam bidang seni jahitan kreatif dan cara memulakannya.

11. Di samping itu juga, dengan cara sebegini ianya dapat membuktikan bahawa menjahit adalah sesuatu kemahiran yang senang serta dapat menghasilkan produk yang berkualiti dan berkuantiti dalam masa yang singkat.

12. Saya harap dengan adanya program seni jahitan kreatif ini, ianya dapat mengetengahkan produk buatan Wilayah Persekutuan yang berkualiti, berdaya saing serta berinovasi di samping menjadikan ia sebagai salah satu peluang ekonomi kepada peserta yang terlibat.

13. Saya difahamkan juga, program ini akan diteruskan pelaksanaannya ke semua komuniti di setiap Presint di Putrajaya serta seluruh Wilayah Persekutuan bagi membolehkan rakyat menyertai dengan lebih mudah di kawasan penempatan masing-masing.

14. Jika ini semua menjadi kenyataan dan berjaya dikembangkan, aktiviti pemasaran produk ini harus diberi perhatian. Saya juga ingin mencadangkan agar satu *website* khas dibuka bagi menjual produk ini supaya boleh dibeli oleh seluruh rakyat Malaysia. Hasil keuntungan dari jualan ini kelak boleh digunakan untuk melatih peserta-peserta baharu yang berminat dalam seni jahitan kreatif ini. Wanita yang bekerjaya juga boleh menjadikan jahitan produk ini sebagai kerja sambilan mereka.

15. Saya amat berharap agar program-program memperkasakan peranan wanita dalam institusi keluarga, masyarakat dan seterusnya membangunkan Negara akan diteruskan bukan sahaja oleh pihak Kerajaan tetapi juga pihak NGO dan sektor swasta juga. Program untuk memperkasakan agenda sosial perlu sentiasa dilaksanakan supaya dapat melestarikan masa depan negara melalui hasil sentuhan wanita.

16. Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya dan Persatuan Seni Jahitan Kreatif Malaysia serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Program Merperkasakan Komuniti 4K B40 Wilayah Persekutuan Putrajaya pada hari ini.

**17. Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini melancarkan Program Merperkasakan Komuniti 4K B40 WP Putrajaya 2019.**

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum W.B.T.**